SAMPEL PERCUMA

Peperiksaan Akhir Sijil Pendidikan MRSM 2025 Pendidikan Islam + Skema

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

1 PENDIDIKAN ISLAM
2 Kertas 1
2 Ogos
3 2025
1 2 jam 30 minit

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2025

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 7 halaman bercetak.

1223/1 © 2025 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

Jawab **semua** *soalan.*

1 (*a*) Firman Allah SWT:

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا (1) وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ
بِهِۦٓ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ وَلَا
شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبْسِلُوا۟ بِمَا
كَسَبُوا۟ ۖ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾
(2)


(Surah al-An'am: 70)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan mempersendakan agama.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama. [2 *markah*]



Berdasarkan gambar di atas,

(iii) Bagaimanakah anda menggunakan aplikasi sosial tersebut **untuk** menangani perbuatan menghina agama? [2 *markah*]

(iv) Huraikan implikasi penyalahgunaan aplikasi di atas terhadap negara. [4 *markah*]

(*b*) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

(i) Senaraikan **dua** golongan tersebut selain golongan yang hatinya sentiasa mencintai masjid. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** aktiviti yang boleh dilakukan untuk memakmurkan masjid. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 *markah*]

(*c*) Nyatakan jenis Mad Lazim Kalimi pada kalimah yang bergaris di bawah.

(i) غَيْرِ ٱلْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾

(ii) ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ كُنتُم بِهِۦ تَسْتَعْجِلُونَ ﴿٥١﴾

[2 *markah*]

1223/1 © 2025 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

3 (*a*) (i) Apakah maksud solat Sunat Duha? [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** amalan yang dianjurkan ketika berlaku gerhana. [2 *markah*]

Aminah telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke dua buah institusi pengajian yang terkemuka. Dia buntu untuk membuat pilihan.

Berdasarkan pernyataan di atas,

(iii) Sarankan jenis solat sunat yang sesuai dilaksanakan. [2 *markah*]

(iv) Kemukakan hujah anda untuk membuktikan bahawa solat sunat tersebut boleh meningkatkan keimanan. [4 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan maksud talak. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan perbezaan tempoh idah bagi isteri yang bercerai hidup dan bercerai mati dalam situasi isteri belum putus haid. [2 *markah*]



11 April 2023 07:30am
Sumber : Ubahsuai *Sinar Harian*

Berdasarkan keratan akhbar di atas,


(iii) Jelaskan tindakan yang wajar diambil oleh isteri. [2 *markah*]

(iv) Ramalkan akibat kepada institusi kekeluargaan sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan baik. [4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

5 (*a*) (i) Setiap muslim perlu mengamalkan sifat *khauf* dan *raja'* dalam kehidupan. Apakah maksud *khauf*? [2 *markah*]

(ii) Terangkan hikmah mengamalkan *khauf* dan *raja'*. [2 *markah*]



Sumber ubahsuai: Akhbar Metro, November 1, 2023 11:33am

(iii) Jelaskan isu utama yang dinyatakan dalam rajah graf di atas. [2 *markah*]

(iv) Berdasarkan rajah graf di atas, bandingkan jumlah kes buli pada tahun 2021 sehingga 2023 dengan mengaitkannya dengan konsep *khauf* dan *raja'*. [4 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 *markah*]

Soalan **5** (*b*) (iii) dan **5** (*b*) (iv) berdasarkan gambar di bawah:



(iii) Syorkan cara bagi memastikan kempen di atas berjaya. [2 *markah*]

(iv) Huraikan kepentingan kempen tersebut terhadap masyarakat. [4 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2025

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>KBAT - Huraikan implikasi penyalahgunaan aplikasi di atas terhadap negara.

Rubrik penskoran:

<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>

Cadangan isi:
1. Mencemarkan imej negara.
2. Keamanan negara tergugat/ terjejas.
3. Ekonomi negara menjadi mundur.

Contoh jawapan:
Negara Malaysia akan dipandang rendah oleh negara lain (I). Hal ini kerana banyak penyebaran maklumat yang salah tentang agama Islam (H). Akibatnya, imej agama Islam akan tercemar (HL). Kesimpulannya kita hendaklah menggunakan aplikasi sosial secara berhemah agar imej negara akan dipandang tinggi (K).</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua golongan selain golongan yang hatinya sentiasa mencintai masjid:

1. Pemimpin yang adil.
2. Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT.
3. Dua orang yang saling mengasihi / bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.
4. Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.
5. Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya
6. Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata.

Catatan: Jawapan di atas sahaja diterima.</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

 © 2025 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar